




## JANGAN SEBARKAN: LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGHALANG PENYEBARAN MESEJ YANG MERAGUKAN

Berikut ialah langkah-langkah yang boleh anda ambil apabila menerima mesej-mesej yang mencurigakan:



### 1 Periksa kewibawaan mesej tersebut:

- Adakah sumber informasi ini boleh dipercayai?
- Adakah penulis seorang yang bertauliah tentang subjek ini?
- Semak silang informasi dengan sumber aliran umum seperti surat khabar, televisyen dan radio
- Tanya ahli keluarga jika masih meragui informasi yang diterima



2

### Carilah bukti-bukti yang menunjukkan informasi itu palsu:

- Pelokasi sumber seragam (URL) yang dinyatakan tidak tepat
- Terdapat kesalahan-kesalahan tatabahasa dan ejaan
- Informasi yang tidak lengkap atau meragukan tentang seseorang, masa atau tempat kejadian
- Kandungan mesej amat memikat emosi – berhati-hati terhadap tawaran-tawaran yang terlalu baik dan sukar untuk dipercayai

### 3 Berfikir sejenak sebelum anda kongsi mesej:

- Jangan menyebarkan mesej palsu tanpa disedari



4

### Sertailah kumpulan pembasmi mesej palsu:

- Beritahu si penghantar mesej bahawa mesej yang telah dikongsinya adalah palsu

